
Skim Rangkaian Penjagaan Asas (PCN)

STRATEGI SG Lebih Sihat bertujuan mendapatkan penglibatan lebih ramai para doktor keluarga swasta (GP) untuk menyokong para penduduk dengan keperluan kesihatan mereka sepanjang hayat.

Di bawah daya usaha itu, para penduduk yang menyertai SG Lebih Sihat secara sukarela boleh membuat janji temu bagi konsultasi kesihatan dengan doktor dan ini akan dibiayai oleh pemerintah.

Mereka kemudian boleh membuat perancangan kesihatan doktor pilihan mereka yang akan memantau kesihatan mereka dengan sesi susulan.

Perkara pertama yang kritikal adalah untuk menggerakkan seberapa ramai doktor keluarga (GP) untuk menyertai daya usaha SG Lebih Sihat.

Skim Rangkaian Penjagaan Asas (PCN) berfungsi dengan memanfaatkan sumber-sumber doktor keluarga demi menyediakan jagaan menyeluruh dan yang diselarasakan, bagi pesakit penyakit kronik.

Ia sebahagian daripada usaha gerakan SG Lebih Sihat untuk mendekati penduduk amnya, iaitu menerusi pelbagai kegiatan dan rangkaian sokongan, program mendekati penduduk, pusat jagaan dan klinik serta usaha mendakapi warga emas yang tinggal sendirian yang mungkin memerlukan bantuan.

■ MOH menganggarkan kira-kira 800 klinik PCN akan menyertai daya usaha SG Yang Lebih Sihat apabila ia dilancarkan pada pertengahan tahun ini dan jumlahnya masih meningkat.

Bilangan itu membentuk separuh daripada jumlah keseluruhan klinik keluarga di Singapura.

■ Para penduduk boleh pilih GP yang mereka mahu. Mereka boleh pilih yang dekat dengan rumah atau pilih GP yang merupakan sebahagian daripada panel doktor di bawah syarikat anda. Kemudian, tetap dengan hubungan satu penduduk, satu doktor atau satu klinik.

■ Rakyat Singapura yang mendaftar akan menikmati konsultasi pertama yang percuma selain subsidi penuh bagi pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi yang disyorkan negara.

■ Selain itu, mereka akan juga menikmati subsidi Skim Bantuan Kesihatan Komuniti (CHAS) yang dipertingkatkan, di mana harga ubat-ubatan di klinik GP swasta akan setanding dengan harga di poliklinik.

■ Bagi mereka yang mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat, mereka akan diberi ganjaran di bawah sistem mata Lembaga Penggalakan Kesihatan (HPB).